

R 043-I DEO
MAHATHIR - ISLAM
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 21 DIS. (BERNAMA) -- PARA PEMIMPIN MESIR TELAH
MEMBANGKITKAN SOAL MENINGKATNYA KEGIATAN PELAMPAU ISLAM SEMASA
PERBINCANGAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEWAKTU BELIAU
MELAWAT NEGARA ITU.

MEREKA BERASABIMBANG DENGAN PERKARA TERSEBUT DAN BERUNDING
CARA-CARA HENDAK MEMBENDUNGINYA, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA
PEMBERITA SEKEMBALINYA DARIPADA LAWATAN DUA MINGGU KE NEGARA ITU,
LIBYA DAN MALI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUDAHTENTULAH MESIR BIMBANG
KERANA PELAMPAU AGAMA BERTANGGUNGJAWAB, ANTARANYA, MEMBUNUH PRESIDE!
ANWAR SADAT DAN MENYIKSA SERTA MENYEBABKAN KEMATIAN MENTERI
WAKAFNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENTERI AGAMA MESIRIALAH SEORANG
YANG BERWIBAWA DAN BERJAYA MEMATAHKAN KEGIATAN PELAMPAU INI.

SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN, PERDANA MENTERI BERKATA PADA AMNYA
PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA YANG DILAWATINYA, MEMUJI PENDEKATAN
MALAYSIA DALAM PENERAPAN NILAI ISLAM.

KATANYA, PERANAN MALAYSIA DALAM USAHA-USAHA YANG MEMBAWA MESIR
DITERIMA SEMULA KE PANGKUAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) JUGA
DIHARGAI. -- BERNAMA.

2271MST 71 12 84